

06 AUG 1999

Azhar-Ketibaan

KEIBAAN AZHAR DIJADUAL SEMULA PADA RABU

LANGKAWI, 6 Ogos (Bernama) -- Kepulangan pelayar Malaysia Datuk Azhar Mansor ke sini selepas menyempurnakan pelayaran solo dunia laluan Timur-Barat telah dijadual semula kepada 4 petang Rabu ini.

Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Langkawi (LADA) Datuk Abdul Halil Mutalib hari ini berkata dalam satu kenyataan di sini bahawa penjadualan semula itu dibuat berikutan keadaan angin lazim.

Abdul Halil, yang juga pengerusi penganjur bagi sambutan kepulangan Azhar, berkata acara lain tidak berubah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali akan menyambut kepulangan Azhar.

Azhar sebelum ini dijadualkan tiba di sini kira-kira pukul 5 petang pada Selasa.

Sementara itu, menurut Azhar, World Sailing Speed Record Council akan menghantar wakil untuk menyaksikan beliau melepasi garisan penamat di jeti Star Cruise di sini minggu depan.

Dalam e-mel terbarunya ke pangkalan daratnya di sini, Azhar berkata beliau telah menghubungi WSSRC mengenai ketibaannya dan mereka bersedia untuk menguruskan dua penjaga masa tempatan menyaksikan Jalur Gemilang melepasi garisan penamat itu.

Azhar berkata penjaga masa yang dilantik adalah wakil yang sama semasa beliau berlepas dari sini pada 2 Feb lepas. Penjaga masa itu ialah dari Persatuan Kapal Layar Malaysia (MYA) dan Terminal Star Cruise di sini.

Mereka akan bertanggungjawab untuk mengeluarkan masa rasmi ketibaan di garisan penamat itu kepada WSSRC itu yang beribupejabat di Britain, katanya.

Azhar akan mencipta sejarah menjelang minggu depan apabila beliau memenuhi WSSRC dengan melintasi garisan Khatulistiwa sebanyak dua kali masing-masing pada 8 Feb dan semalam pada kira-kira 6.53 pagi waktu Malaysia.

Beliau memberitahu pangkalan daratnya di resort Awana Porto Malai di sini bahawa pelayarannya berjalan lancar dengan angin barat daya bertiup pada kelajuan lapan hingga 12 knot dan keadaan laut sederhana.

Selain itu, keadaan awan sedikit mendung dan diikuti hujan sekali-sekala, katanya.

Hari ini, kapal layar bernilai RM2 juta itu mencatatkan pelayaran sejauh 189 batu nautika berbanding 112 batu nautika lebih 24 jam semalam, dengan purata kelajuan 10 knot.

Pelayar kelahiran Kangar itu kini menuju ke Sabang di Sumatera Utara, yang sejauh 536 batu nautika dari kedudukannya hari ini.

Pelayaran Azhar, yang berhasrat menjadi rakyat Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia secara solo, kini masuk hari ke-185 dan setakat ini telah mencatatkan 24,623 batu nautika dan perlu belayar sejauh 814 batu nautika lagi.

Azhar melaporkan kedudukan kapal layarnya pada Latitude 02 darjah 16' 58" Utara, Longitude 086 darjah 52' 46" Timur.

-- BERNAMA

NH NAK